



Surat Tuan:
Surat Kami: Bil.(60)dlm YR-01/9915.00 Jld.6

Tarikh: 7 Januari 2026
17 Rejab 1447H

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah RISDA Negeri
Semua Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings
Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian
Semua Pengetua IKPK/RISTEC

Tuan/Puan,

SKIM BANTUAN YAYASAN RISDA TAHUN 2026

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan RISDA Kali Ke-26 yang bersidang pada 17 Disember 2025 telah meluluskan Skim Bantuan Yayasan RISDA Tahun 2026 untuk dilaksanakan tertakluk kepada Bajet 2026 yang telah diluluskan.

3. Syarat-syarat kelayakan dan kadar bantuan mengikut Skim Bantuan Yayasan RISDA yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 adalah seperti berikut:

BIL.	SKIM BANTUAN	SYARAT DAN KADAR
1.	Skim Insentif Pelajar Kolej RISDA dan UCAM (SIPU)	Lampiran 1
2.	Bantuan Sara Hidup Pelajar UCAM (BSHPU)	Lampiran 2
3.	Bantuan Laptop Yayasan RISDA (BLYR)	Lampiran 3
4.	Anugerah Yayasan RISDA (AYR)	Lampiran 4
5.	Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Pelajar UCAM	Lampiran 5
6.	Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Biasiswa Perdana	Lampiran 6
7.	Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Staf KRH	Lampiran 7
8.	Insentif Pendidikan Staf (IPS)	Lampiran 8

BIL.	SKIM BANTUAN	SYARAT DAN KADAR
9.	Skim Bantuan Persekolahan (SBP)	Lampiran 9
10.	Insentif Pengajian Tinggi Anak Staf (IPTAS)	Lampiran 10
11.	Insentif Anak Hafiz Al-Quran (AL-HAFIZ)	Lampiran 11
12.	Skim Bantuan Pembedahan Staf (BEDAH)	Lampiran 12
13.	Skim Bantuan Pesakit Kronik (SBPK)	Lampiran 13 dan 14
14.	Skim Bantuan Anak Istimewa (SAIS)	Lampiran 15
15.	Sumbangan Ihsan Bencana Alam dan Kebakaran (IHSAN)	Lampiran 16
16.	Anugerah Umrah Yayasan RISDA (AU)	Lampiran 17
17.	Sumbangan Jemaah Haji (HAJI)	Lampiran 18
18.	Sumbangan Daging Korban (KORBAN)	Lampiran 18

4. Semua permohonan mulai 1 Januari 2026 mestilah menggunakan Borang Permohonan **SKIM 1/2026**, **SKIM 2/2026** dan **SKIM 3/2026** yang dilampirkan dan permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA
TINGKAT 12B, MENARA KUMPULAN RISDA
JALAN AMPANG ULU 3
55000 KUALA LUMPUR**

5. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pegawai Yayasan RISDA di talian **03-48157251** atau emel ke yayasanrisda@gmail.com.

6. Segala kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BUDI PEKERTI LUHUR"


(WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM)
b.p: Ketua Pengarah
RISDA

s.k:

- i. Ketua Pengarah RISDA
- ii. Timbalan Ketua Pengarah RISDA (Pembangunan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah RISDA (Pengurusan)

1. Skim Insentif Pelajar Kolej RISDA Dan UCAM (SIPU)

BIL.	PERIHAL	
1.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Pelajar berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya (keutamaan anak pekebun kecil RISDA) yang telah mendaftar program berikut: i. Program Sijil Kemahiran Malaysia di Kolej RISDA, atau ii. Program Asasi / Diploma / Sarjana Muda di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) b. Pendapatan isi rumah maksimum RM11,819 atau kategori pendapatan isi rumah M40 semasa kecuali permohonan anak staf RISDA dan Kumpulan RISDA Holdings (KRH) tiada had pendapatan isi rumah. c. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
1.2.	Kadar insentif	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM500 bagi seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana program di Kolej RISDA atau UCAM.
1.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada pihak UCAM seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. b. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. e. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. f. Salinan buku / penyata akaun bank pelajar.
1.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

2. Bantuan Sara Hidup Pelajar UCAM (BSHPU)

BIL.	PERIHAL	
2.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Pelajar berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya (keutamaan anak pekebun kecil RISDA) yang telah mendaftar program Asasi, Diploma dan Sarjana Muda di UCAM. b. Pendapatan isi rumah maksimum RM11,819 atau kategori pendapatan isi rumah M40 semasa. c. Bantuan dibayar sepanjang sesi pengajian mulai tarikh pendaftaran hingga 1 hari sebelum tarikh cuti semester kecuali semasa cuti semester dan pelajar yang menerima elaun semasa menjalani Latihan Industri. d. Pelajar memperolehi keputusan PNG (GPA) sekurang-kurangnya 2.5 pada setiap semester. Bantuan semester berikutnya tidak akan dibayar sekiranya pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 2.5 dan akan dibayar semula pada semester seterusnya jika telah memperolehi PNG (GPA) 2.5. Bantuan akan ditamatkan jika pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 2.5 bagi dua semester berturut-turut. e. Pelajar bebas daripada hukuman tatatertib dan undang-undang jenayah. f. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
2.2.	Kadar bantuan	a. Kategori pendapatan isi rumah RM5,249 atau B40 dan ke bawah sebanyak RM15 sehari atau maksimum RM450 sebulan untuk seorang pelajar. b. Kategori pendapatan isi rumah RM11,819 atau M40 dan ke bawah sebanyak RM10 sehari atau maksimum RM300 sebulan bagi seorang pelajar.
2.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada pihak UCAM seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. b. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. e. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. f. Salinan buku / penyata akaun bank pelajar.
2.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

3. Bantuan Laptop Yayasan RISDA (BLYR)

BIL.	PERIHAL	
3.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak pekebun kecil RISDA (keutamaan), anak staf RISDA / KRH dan anak pesara RISDA berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya yang telah mendaftar program Diploma atau Sarjana Muda di UCAM. b. Pendapatan isi rumah maksimum RM5,249 atau kategori pendapatan isi rumah B40 semasa. c. Pelajar yang tidak menerima komputer riba atau bantuan apa-apa peranti daripada pihak lain. d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
3.2.	Kadar bantuan	Bantuan satu unit komputer riba dan hanya layak sekali sahaja untuk seorang pelajar semasa pengajian program Diploma atau Sarjana Muda di UCAM.
3.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada pihak UCAM seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. b. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. e. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA.
3.4.	Kelulusan permohonan	Kelulusan menurut AKPE Bilangan 1 tahun 2021.

4. Anugerah Yayasan RISDA (AYR)

BIL.	PERIHAL	
4.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak pekebun kecil RISDA (keutamaan), anak staf RISDA / KRH dan anak pesara RISDA berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya yang telah menamatkan pengajian di UCAM / IPTA / IPTS pada Tahun 2026. b. Pelajar yang menamatkan pengajian program Diploma atau Sarjana Muda (ijazah pertama) di UCAM / IPTA / IPTS. c. Pendapatan isi rumah maksimum RM5,249 atau kategori pendapatan isi rumah B40 semasa kecuali permohonan anak staf RISDA atau KRH tiada had pendapatan isi rumah. d. Pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum semasa di UCAM / IPTA / IPTS. e. Pelajar yang menamatkan pengajian dengan keputusan PNGK (CGPA) sekurang-kurangnya 3.5 pada semester akhir Tahun 2026. f. Permohonan dihantar sebelum 31 Oktober 2026. g. Bayaran akan dibuat terus kepada UCAM atau pelajar.
4.2.	Kadar anugerah	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM2,000 untuk seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana program di UCAM / IPTA / IPTS.
4.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	a. Bagi pelajar UCAM dikehendaki mengisi dan menghantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada pihak UCAM seperti berikut: i. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. ii. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. iii. Salinan surat tawaran pengajian. iv. Salinan transkrip akademik. v. Salinan sijil kegiatan kokurikulum semasa di UCAM. vi. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. vii. Salinan buku / penyata akaun bank pelajar. b. Bagi pelajar IPTA / IPTS dikehendaki mengisi dan menghantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: i. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. ii. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. iii. Salinan surat tawaran pengajian. iv. Salinan transkrip akademik. v. Salinan sijil kegiatan kokurikulum semasa di IPTA / IPTS. vi. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. vii. Salinan buku / penyata akaun bank pelajar.
4.4.	Pemilihan penerima	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

5. Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Pelajar UCAM

BIL.	PERIHAL	
5.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak pekebun kecil RISDA (keutamaan), anak staf RISDA / KRH dan anak pesara RISDA berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya yang telah mendaftar program Diploma dan Sarjana Muda di UCAM. b. Pendapatan isi rumah maksimum RM5,249 atau kategori pendapatan isi rumah B40 semasa. c. Pelajar yang tidak menerima biasiswa atau tajaan daripada pihak lain. d. Pelajar memperolehi keputusan PNG (GPA) sekurang-kurangnya 3.0 pada setiap semester. Biasiswa semester berikutnya tidak akan dibayar sekiranya pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 3.0 dan akan dibayar semula pada semester seterusnya jika telah memperolehi PNG (GPA) 3.0. Biasiswa akan ditamatkan jika pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 3.0 bagi dua semester berturut-turut. e. Pelajar bebas daripada hukuman tatatertib dan undang-undang jenayah. f. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
5.2.	Kadar biasiswa	Kadar biasiswa tertakluk kepada kadar yuran sebenar pengajian di UCAM.
5.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada pihak UCAM seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. b. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. e. Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA.
5.4.	Pemilihan Penerima	Jawatankuasa Temuduga Biasiswa Yayasan RISDA.

6. Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Biasiswa Perdana

BIL.	PERIHAL	
6.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Terbuka kepada pelajar bumiputera dan warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh permohonan (keutamaan anak pekebun kecil RISDA). b. Pelajar yang telah mendaftar pengajian ijazah pertama pada tahun 2026 di IPTA dalam negara atau universiti luar negara dalam pelbagai bidang (keutamaan bidang kejuruteraan, sains dan teknologi) kecuali: i. Bidang perubatan, pergigian dan farmasi, ii. Bidang undang-undang, iii. Bidang seni bina, iv. Bidang pendidikan, v. Bidang yang memerlukan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya, vi. Program berbentuk francais universiti awam atau IPTS, vii. Program berkembar atau program kerjasama dengan institusi lain, viii. Program kejuruteraan, separa perubatan dan program praperkhidmatan, ix. Program berkaitan sijil / kursus profesional, x. Program pengajian secara separuh masa / jarak jauh / atas talian dan xi. Program selain Sarjana Muda Kepujian secara <i>embedded honours</i> dengan tempoh pengajian 4 tahun. c. Pelajar mengikuti program pengajian yang mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). d. Pelajar memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). e. Pelajar yang aktif dan cemerlang dalam aktiviti kokurikulum bagi tempoh 5 tahun terakhir. f. Pelajar yang disahkan sihat dan bebas daripada penyakit kronik atau berjangkit atau penyakit yang memerlukan rawatan susulan. g. Keutamaan kepada ibu dan bapa atau penjaga berpendapatan isi rumah maksimum RM5,249 atau kategori pendapatan isi rumah B40 semasa. h. Ibu dan bapa atau penjaga serta pelajar tidak disenarai hitam atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak. i. Pelajar yang tidak menerima biasiswa atau tajaan daripada pihak lain. j. Pelajar yang tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana pihak dan tidak mempunyai rekod jenayah. k. Pelajar yang memperolehi keputusan PNG (GPA) sekurang-kurangnya 3.5 pada setiap semester. Biasiswa semester berikutnya tidak akan dibayar sekiranya pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 3.5 dan akan dibayar semula pada semester seterusnya jika telah memperolehi PNG (GPA) 3.5. Biasiswa akan ditamatkan jika pelajar gagal memperolehi PNG (GPA) 3.5 bagi dua semester berturut-turut. l. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.

6.2.	Kadar biasiswa	Kadar biasiswa tertakluk kepada kadar yuran sebenar pengajian.
6.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan dengan lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: - Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. - Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. - Salinan surat tawaran pengajian ijazah pertama. - Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. - Salinan Sijil Pelajaran Malaysia. - Salinan sijil aktiviti kokurikulum 5 tahun terakhir. - Salinan passport antarabangsa dan visa (jika perlu) yang masih sah laku bagi pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara. - Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. - Salinan buku / penyata akaun bank pelajar.
6.4.	Pemilihan penerima	Jawatankuasa Temuduga Biasiswa Perdana

7. Biasiswa Yayasan RISDA (BYR) – Staf KRH

BIL.	PERIHAL	
7.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf KRH yang telah mendaftar di UCAM / IPTA / IPTS dalam negara dan berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan. b. Staf KRH yang melanjutkan pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan Sijil Profesional yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualification Agency</i>) secara separuh masa dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi KRH. c. Keutamaan kepada staf yang melanjutkan pengajian di UCAM dan untuk pembangunan kerjaya staf di KRH. d. Tiada had pendapatan pemohon. e. Purata Laporan Nilain Prestasi Tahunan staf bagi 3 tahun terakhir sekurang-kurangnya 85%. f. Staf yang tidak menerima biasiswa atau tajaan daripada pihak lain. g. Staf dikehendaki memperoleh keputusan PNG (GPA) sekurang-kurangnya 3.0 pada setiap semester. Biasiswa semester berikutnya tidak akan dibayar sekiranya staf gagal memperoleh PNG (GPA) 3.0 dan akan dibayar semula pada semester seterusnya jika telah memperoleh PNG (GPA) 3.0. Biasiswa akan ditamatkan jika staf gagal memperoleh PNG (GPA) 3.0 bagi dua semester berturut-turut. h. Staf bebas daripada sebarang hukuman tatatertib dan undang-undang jenayah. i. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
7.2.	Kadar biasiswa	Kadar biasiswa tertakluk kepada kadar yuran sebenar pengajian di UCAM / IPTA / IPTS.
7.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Pemohon dikehendaki mengisi dan menghantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon. b. Salinan penyata gaji terkini pemohon. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan struktur program dan yuran pengajian. e. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. f. Salinan buku / penyata akaun bank pemohon.
7.4.	Pemilihan penerima	Jawatankuasa Temuduga Biasiswa Staf KRH

8. Insentif Pendidikan Staf (IPS)

BIL.	PERIHAL	
8.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf RISDA dan KRH yang sedang melanjutkan pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan Sijil Profesional yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualification Agency</i>) dengan kelulusan Ketua Jabatan. b. Staf RISDA yang sedang melanjutkan pengajian Program Eksekutif UCAM dan Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM dengan kelulusan Ketua Jabatan. c. Staf KRH yang sedang melanjutkan pengajian Program Eksekutif UCAM bagi gred Pengeranian atau Teknikal dan Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM bagi gred Eksekutif dengan kelulusan Ketua Jabatan. d. Tiada had pendapatan pemohon. e. Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini staf sekurang-kurangnya 85%. f. Staf RISDA dan KRH yang masih berkhidmat sehingga tarikh kelulusan permohonan. g. Staf bebas daripada sebarang hukuman tatatertib dan undang-undang jenayah.
8.2.	Kadar insentif	Kadar insentif: a. RM300 bagi Program Eksekutif & Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM. b. *RM500 bagi Diploma, Sarjana Muda dan Sijil Profesional. c. *RM800 bagi Sarjana dan Doktor Falsafah. *NOTA: Kadar insentif sekali ganda jika menyambung pengajian di UCAM.
8.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Berasaskan senarai nama staf yang layak dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan yang dikemukakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RISDA dan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia KRH.
8.4.	Pemilihan penerima	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

9. Skim Bantuan Persekolahan (SBP)

BIL.	PERIHAL	
9.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak staf RISDA atau KRH.
		b. Tiada had pendapatan isi rumah.
		c. Anak yang ditanggung sepenuhnya oleh staf RISDA atau KRH dan bersekolah dari umur 6 tahun di Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hingga Tingkatan 6 pada Tahun 2026.
9.2.	Kadar bantuan	Kadar bantuan: a. RM150 bagi setiap anak staf yang pendapatan isi rumah RM11,819 atau M40 dan ke bawah. b. RM100 bagi setiap anak staf yang pendapatan isi rumah melebihi RM11,819.
9.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	a. Maklumat anak-anak yang bersekolah umur 6 tahun hingga Tingkatan 6 Atas bagi sesi persekolahan Tahun 2026 diperolehi daripada data Borang Soal Selidik YR yang disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab dan data HIS yang disahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KRH. b. Bagi anak-anak yang bersekolah Tingkatan 6 Bawah sesi persekolahan Tahun 2026 hendaklah mengisi dan menghantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: i. Salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa atau penjaga. ii. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. iii. Salinan surat tawaran Tingkatan 6. iv. Salinan resit / slip apa-apa bayaran yang berkaitan. v. Salinan penyata akaun bank.
9.4.	Kelulusan bantuan	Lembaga Pemegang Amanah Yayasan RISDA.

10. Insentif Pengajian Tinggi Anak Staf (IPTAS)

BIL.	PERIHAL	
10.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak staf RISDA atau KRH yang telah mendaftar di IPTA / IPTS pada Tahun 2026 dan berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya.
		b. Tiada had pendapatan isi rumah.
		c. Pelajar peringkat Asasi, Matrikulasi, Diploma, Sarjana Muda (ijazah pertama), Sarjana atau Doktor Falsafah.
		d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 3 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.
10.2.	Kadar insentif	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM500 untuk seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana peringkat di IPTA / IPTS.
10.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon dan staf. b. Salinan penyata gaji terkini staf. c. Salinan surat tawaran pengajian. d. Salinan resit / slip bayaran pendaftaran. e. Salinan buku / penyata akaun bank pelajar.
10.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

11. Insentif Anak Hafiz Al-Quran (AL-HAFIZ)

BIL.	PERIHAL	
11.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak staf RISDA atau KRH yang telah menghafal 30 juzuk Al-Quran dan berumur bawah 26 tahun pada tarikh ulang tahun berikutnya.
		b. Tiada had pendapatan isi rumah.
		c. Memiliki Sijil Syahadah hafalan Al-Quran (keutamaan) daripada institusi tahfiz dalam negara Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri.
11.2.	Kadar insentif	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM10,000 untuk seorang hafiz Al-Quran.
11.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan MyKid / kad pengenalan pemohon dan staf. b. Salinan penyata gaji terkini staf. c. Salinan surat tawaran pengajian institusi tahfiz. d. Salinan Sijil Hafazan / surat pengesahan hafal 30 juzuk Al-Quran. e. Salinan Sijil Syahadah. f. Salinan buku / penyata akaun bank.
11.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

12. Skim Bantuan Pembedahan Staf (BEDAH)

BIL.	PERIHAL	
12.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf RISDA dan KRH yang berjawatan tetap dan mempunyai masalah kesihatan yang perlu menjalani pembedahan jantung atau bariatrik atas nasihat doktor. b. Tiada had pendapatan pemohon. c. Ada Laporan Perubatan / Surat Pengesahan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan Malaysia atau Hospital Pakar yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan penyakit yang dihidapi dan tarikh laporan berkenaan tidak melebihi tempoh 1 tahun. d. Ada surat tuntutan perbezaan perlindungan takaful Skim Hospital dan Pembedahan Berkelompok (SHPB) daripada syarikat takaful atau Bahagian Pentadbiran bagi pembedahan jantung.
12.2.	Kadar bantuan	Sumbangan sekali sahaja berasaskan nilai bil hospital atau nilai perbezaan perlindungan takaful SHPB atau maksimum RM10,000 mengikut mana yang lebih rendah.
12.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan kad pengenalan pemohon. b. Salinan penyata gaji terkini. c. Salinan laporan perubatan. d. Salinan bil hospital. e. Salinan surat tuntutan perbezaan perlindungan takaful SHPB (jika ada). f. Salinan buku / penyata akaun bank pemohon.
12.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

13. Skim Bantuan Pesakit Kronik (SBPK)

BIL.	PERIHAL	
13.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf RISDA dan KRH yang sedang berkhidmat secara tetap / kontrak perkhidmatan dan ahli keluarga terdekat iaitu suami, isteri, anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang. b. Staf RISDA dan KRH yang sedang berkhidmat secara kontrak untuk perkhidmatan atau MySTEP. c. Anak yang masih di bawah tanggungan berumur bawah 21 tahun atau bawah 26 tahun (sekiranya masih belajar) pada tarikh ulang tahun berikutnya kecuali anak status kelainan upaya tiada had umur. d. Tiada had pendapatan isi rumah. e. Ada Laporan Perubatan / Surat Pengesahan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan Malaysia atau Hospital Pakar yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan penyakit yang dihadapi dan tarikh laporan berkenaan tidak melebihi tempoh 1 tahun. f. Pemohon menghidap sekurang-kurangnya satu daripada 36 jenis penyakit kronik yang disenaraikan (lampiran 14)
13.2.	Kadar bantuan	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM1,000 sepanjang usia pesakit.
13.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan MyKid / kad pengenalan pemohon dan staf (jika perlu). b. Salinan penyata gaji terkini staf. c. Salinan laporan perubatan. d. Salinan kad OKU (anak). e. Salinan buku / penyata akaun bank.
13.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

SENARAI NAMA PENYAKIT KRONIK

BIL	NAMA PENYAKIT	BIL	NAMA PENYAKIT
1	Anaemia Aplastik	19	Pembedahan Otak
2	Distrofi Otot	20	Pemindahan Organ Utama
3	Ensefalitis	21	Penggantian Injap Jantung
4	Hepatitis Virus Fulminan	22	Penyakit Aizheimer
5	Hilang Keupayaan Diri	23	Penyakit Arteri Koronari
6	Hilang Pendengaran	24	Penyakit Arteri Koronari yang serius
7	Hilang Penglihatan	25	Penyakit Hati Kronik
8	Hilang Pertuturan	26	Penyakit Neuron Motor
9	Hipertensi Pulmonari Arterial Primer	27	Penyakit Parkinson
10	Kanser	28	Penyakit Paru- Paru Kronik
11	Kardiomiopati	29	Penyakit Terminal
12	Kegagalan Buah Pinggang	30	Poliomielitis
13	Koma	31	Serangan Jantung
14	Luka Terbakar Teruk	32	Sindrom Apalik
15	Lumpuh	33	Sklerosis Berbilang
16	Lumpuh Paraplegia	34	Strok
17	Meningitis Bakteria	35	Trauma Kepala Utama
18	Pembedahan Aorta	36	Tumor Otak Benigna

14. Skim Bantuan Anak Istimewa (SAIS)

BIL.	PERIHAL	
14.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang kepada staf RISDA atau KRH.
		b. Anak yang masih di bawah tanggungan berumur bawah 21 tahun atau bawah 26 tahun (sekiranya masih belajar) pada tarikh ulang tahun berikutnya.
		c. Tiada had pendapatan isi rumah.
		d. Ada kad OKU yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
		e. Pemohon menghidap sekurang-kurangnya satu daripada 7 kategori OKU yang disenaraikan.
14.2.	Kadar bantuan	Sumbangan sebanyak RM1,200 setahun bagi seorang anak kelainan upaya.
14.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA seperti berikut: a. Salinan MyKid / kad pengenalan pemohon dan staf. b. Salinan penyata gaji terkini staf. c. Salinan kad OKU. d. Salinan buku / penyata akaun bank.
14.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

SENARAI KATEGORI ORANG KELAINAN UPAYA (ANAK ISTIMEWA)

1. Orang Kelainan Upaya **Fizikal**.
2. Orang Kelainan Upaya **Penglihatan**.
3. Orang Kelainan Upaya **Pendengaran**.
4. Orang Kelainan Upaya **Pertuturan**.
5. Orang Kelainan Upaya **Mental**.
6. Orang Kelainan Upaya **Pembelajaran** seperti *Global Development Delay (GDD)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, Intelektual, Autisme dan *Down Syndrome*.
7. Orang Kelainan Upaya **Pelbagai** iaitu melebihi daripada 1 kategori OKU.

15. Sumbangan Ihsan Bencana Alam Dan Kebakaran (IHSAN)

BIL.	PERIHAL	
15.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf RISDA atau KRH yang sedang berkhidmat secara tetap / kontrak / MySTEP. b. Hanya salah seorang layak memohon jika pasangan berkhidmat di RISDA atau KRH. c. Tiada had pendapatan isi rumah. d. Permohonan untuk rumah yang rosak akibat kebakaran dan bencana alam seperti tanah runtuh, tanah mendap, pokok tumbang, ribut kecuali banjir hanya bagi staf KRH yang terlibat tanpa mengambil kira nilai sebenar kerosakan dan mesti dibuktikan dengan gambar. e. Permohonan bukan kerana terputus hubungan jalan akibat banjir, tanah runtuh, tanah mendap, pokok tumbang atau ribut. f. Rumah sendiri atau rumah sewa atau kuarters yang sedang diduduki staf semasa berkhidmat dan alamat rumah berkenaan telah didaftarkan sebagai alamat tempat tinggal di dalam rekod peribadi staf. g. Terhadap sebuah rumah sahaja bagi satu jenis bencana alam atau kebakaran pada setiap tahun permohonan. h. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 3 bulan selepas tarikh peristiwa.
15.2.	Kadar bantuan	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM500 setahun bagi setiap permohonan bencana alam atau kebakaran.
15.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 3/2026 serta gambar peristiwa kepada Yayasan RISDA.
15.4.	Kelulusan permohonan	Kelulusan menurut AKPE Bilangan 1 tahun 2021.

16. Anugerah Umrah Yayasan RISDA (AU)

BIL.	PERIHAL	
16.1.	Syarat-syarat kelayakan calon staf RISDA dan KRH	a. Staf RISDA dan KRH yang berjawatan tetap dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 13 tahun. Keutamaan kepada staf RISDA Gred 1 hingga Gred 8 dan staf KRH Kumpulan Bukan Eksekutif yang kurang berkemampuan.
		b. Staf yang belum pernah menunaikan umrah atau haji.
		c. Staf yang aktif dalam aktiviti sukan / kebajikan / sosial / seni / kebudayaan di RISDA / KRH / lain-lain.
		d. Purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan staf bagi 3 tahun terakhir sekurang-kurangnya 85%.
		e. Staf yang sihat tubuh badan dan tidak menghidap penyakit kronik.
		f. Staf bebas daripada hukuman tatatertib dan undang-undang jenayah.
16.2	Syarat-syarat kelayakan calon pesara RISDA	a. Pesara yang berdaftar dengan Persatuan Pesara RISDA Malaysia (PERSADA). Keutamaan kepada pesara daripada Kumpulan Pelaksana RISDA yang kurang berkemampuan.
		b. Pesara yang belum pernah menunaikan umrah atau haji.
		c. Pesara yang sihat tubuh badan dan tidak menghidap penyakit kronik.
16.3.	Kadar anugerah	Tertakluk kepada harga pakej umrah Syarikat Pengendali Umrah yang dipilih oleh Yayasan RISDA.
16.4.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	a. Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 2/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA bagi staf RISDA yang dicalonkan oleh Pengarah Bahagian atau Pengarah RISDA Negeri dan bagi staf KRH yang dicalonkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHSB seperti berikut: i. Salinan kad pengenalan calon dan pasangan. ii. Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini calon dan pasangan. b. Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 2/2026 serta dokumen sokongan yang lengkap kepada Yayasan RISDA bagi pesara yang dicalonkan oleh Persatuan Pesara RISDA Malaysia (PERSADA) seperti berikut: i. Salinan kad pengenalan calon dan pasangan. ii. Salinan penyata bayaran pencen / surat pengesahan pendapatan terkini calon dan pasangan.
16.5.	Pemilihan penerima	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

17. Sumbangan Jemaah Haji (HAJI)

BIL.	PERIHAL	
17.1	Syarat-syarat kelayakan	a. Staf RISDA dan KRH yang berjawatan tetap dan telah menerima tawaran menunaikan haji pada Tahun 2026 daripada Tabung Haji.
		b. Tawaran menunaikan haji kali pertama sahaja.
		c. Tiada had pendapatan isi rumah.
		d. Staf yang telah diluluskan Cuti Haji.
17.2.	Kadar sumbangan	Sumbangan sekali sahaja sebanyak RM1,000 bagi seorang jemaah haji.
17.3.	Cara memohon dan dokumen diperlukan	Berasaskan senarai nama staf yang layak daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RISDA atau Jabatan Pengurusan Sumber Manusia KRH.
17.4.	Kelulusan permohonan	Kelulusan menurut AKPE Bilangan 1 Tahun 2021.

18. Sumbangan Daging Korban (KORBAN)

BIL.	PERIHAL	
18.1.	Syarat-syarat kelayakan	Staf RISDA dan KRH. Keutamaan kepada staf RISDA Gred 1 hingga Gred 8 dan staf KRH Kumpulan Bukan Eksekutif yang kurang berkemampuan.
18.2.	Kadar sumbangan	Penerima 1 daripada 7 bahagian seekor lembu untuk ibadah korban.
18.3.	Pemilihan penerima	Penerima berasaskan nama staf yang dipilih dan dikemukakan oleh Pengarah Bahagian Pentadbiran / Pengarah RISDA Negeri / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHSB mengikut mana yang berkenaan.

MAKLUMAT PEMOHON[illegible]

						-			-					
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--	--

		Tahun
--	--	-------

		Bulan
--	--	-------

			-								
--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

aan)

☐ SIPU ☐ BLYR ☐ BSHPU ☐ AYR ☐ SBP

☐ IPTAS ☐ AL-HAFIZ ☐ BYR (*tanda √ yang berkenaan*) - ☐ Pelajar UCAM ☐ Perdana ☐ Staf KRH

☐ Tingkatan 6 Bawah ☐ Asasi / Matrikulasi ☐ Diploma ☐ Sarjana Muda ☐ Sarjana ☐ Doktor Falsafah

4. Tarikh Laporan Diri :

--	--	--	--	--	--	--	--

[illegible]

	Dalam Negara		Luar Negara
--	--------------	--	-------------

☐ Ya ☐ Tidak (Jika "Ya", nyatakan nama penaja)

☐ BEDAH ☐ SBPK ☐ SAIS[illegible]

	Suami	Isteri	Anak Kandung	Anak Tiri	Anak Angkat
--	-------	--------	--------------	-----------	-------------

[illegible][illegible]

4. Nama & Alamat Majikan

[illegible][illegible]

☐ Bujang ☐ Berkahwin ☐ Duda / Janda

[illegible]

9	9	9	9	9

9	9	9	9	9

[illegible]

SKIM 1/2026

[illegible]15. Jumlah Pendapatan Isi Rumah (*suami & isteri*)

R M						
-----	--	--	--	--	--	--

RM						
----	--	--	--	--	--	--

[illegible][illegible]

Lokaliti (tanda $\sqrt{\quad}$ yang berkenaan)	Bandar	Luar Bandar
--	--------	-------------

		Orang
--	--	-------

Bil.	Nama Anak	No. MyKad / MyKid Anak	Nama Sekolah / IPT
i.			
ii.			
iii.			

*Sila kepillkan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

MAKLUMAT PEKEBUN KECIL RISDA

[illegible]

3. Jenis Tanaman

☐ Pemilik ☐ Pengusaha ☐ Pemilik dan Pengusaha

[illegible]

4. Daerah :

5. Negeri :

PENGAKUAN PEMOHON / IBU ATAU BAPA

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat masalah yang berbangkit berhubung maklumat yang telah dinyatakan.

Tandatangan _____ Tarikh

 -

 -

**PENGESAHAN MAJIKAN / PEGAWAI RISDA DAERAH / PEGAWAI KERAJAAN (GRED 9 DAN KE ATAS) / PENGHULU /
PENGAMAL UNDANG-UNDANG**

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan _____ Tarikh _____

Nama :
Jawatan :
Cop Jabatan :

NOTA :

Salinan dokumen mestilah disahkan terlebih dahulu oleh Majikan / Pegawai RISDA Daerah / Pegawai Kerajaan (Gred 9 dan ke atas) / Penghulu / Pengamal Undang-Undang dan ditampirkan mengikut jenis permohonan Skim Bantuan (rujuk Garis Panduan) seperti berikut:

- | | |
|-----|--|
| 1. | Salinan MyKad / kad pengenalan pemohon. |
| 2. | Salinan pasport antarabangsa dan visa (jika perlu) bagi pemohon yang melanjutkan pengajian ke luar negara. |
| 3. | Salinan kad pengenalan ibu dan bapa atau penjaga. |
| 4. | Salinan penyata gaji terkini staf / salinan penyata gaji atau surat pengesahan pendapatan terkini ibu dan bapa atau penjaga. |
| 5. | Salinan surat tawaran pengajian Sekolah / Kolej RISDA / UCAM / IPTA / IPTS / Institusi luar negara / Institusi Tahfiz. |
| 6. | Salinan resit / slip bayaran pendaftaran atau apa-apa bayaran yang berkaitan. |
| 7. | Salinan SPM / transkrip akademik / Sijil Hafazan / Sijil Syahadah. |
| 8. | Salinan sijil kegiatan kokurikulum semasa di Sekolah Menengah / UCAM / IPTA / IPTS. |
| 9. | Salinan struktur program dan yuran pengajian di IPTA / IPTS / Institusi luar negara. |
| 10. | Salinan laporan perubatan / surat pengesahan oleh Pegawai Perubatan hospital yang diiktiraf KKM dan tempoh laporan tidak melebihi 1 tahun. |
| 11. | Salinan bil hospital dan surat tuntutan perbezaan perlindungan takaful SHPB (jika ada). |
| 12. | Salinan kad OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat. |
| 13. | Salinan kad / surat pengesahan / dokumen membuktikan pekebun kecil RISDA. |
| 14. | Salinan buku / penyata akaun bank pemohon. |

MAKLUMAT STAF / PESARA

- [illegible]

- | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|---|--|--|---|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | - | | | = | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|---|--|--|---|--|--|--|--|--|--|

- | | | | | | |
|--|--|-------|--|--|-------|
| | | Tahun | | | Bulan |
|--|--|-------|--|--|-------|

5. Alamat Emel :

- [illegible]

6. Nama & Alamat Kumpulan RISDA Holdings / Pusat Tanggungjawab Semasa (*staf*) Atau Terakhir (*pesara*)

- [illegible]

7. Pekerjaan (*jawatan & gred*) Semasa (*staf*) Atau Terakhir (*pesara*)

- [illegible]

8. Pendapatan (
- gaji asas + elaun tetap / pencen*
-)

- RM
- | | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | |
|--|--|--|--|--|
- .
- | | |
|--|--|
| | |
|--|--|

9. Tempoh Perkhidmatan

--	--

 Tahun

10. Status (tanda $\checkmark$ yang berkenaan) ☐ Bujang

- ☐
- Berkahwin
- ☐
- Duda / Janda

11. Nama Pasangan (*suami / isteri*)

- [illegible]

12. No. Kad Pengenalan Baharu Pasangan

13. No. Telefon Pasangan

- | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|---|--|--|---|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | - | | | = | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|---|--|--|---|--|--|--|--|--|--|

14. Nama & Alamat Majikan Pasangan

- [illegible]

15. Pekerjaan (*jawatan & gred*) Pasangan

- [illegible]

16. Pendapatan Pasangan (*gaji asas + elaun tetap / pencen*)

17. Jumlah Pendapatan Isi Rumah (suami & isteri)

- RM

--	--	--	--	--

 .

--	--

- | | | | | | | |
|----|--|--|--|--|--|--|
| RM | | | | | | |
|----|--|--|--|--|--|--|

18. Alamat Kediaman

- [illegible]

- [illegible]

- | | | |
|-----------------------------------|--------|-------------|
| Lokality (tanda ✓ yang berkenaan) | Bandar | Luar Bandar |
|-----------------------------------|--------|-------------|

19. Jumlah Tanggungan Semasa (pasangan + anak dalam tanggungan)

--	--

 Orang

Bil.	Nama Anak	No. MyKad / MyKid Anak	Nama Sekolah / IPT
i.			
ii.			
iii.			

*Sila kepitkan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

20. Pernah Menunaikah Umrah Atau Haji (tanda $\checkmark$ yang berkenaan) ☐ Tidak ☐ Ya (Jika "Ya", nyatakan tahun)

- ## 21. Aktiviti Luar / Sumbangan Khidmat Masyarakat

Bil.	Aktiviti / Sumbangan	Peringkat	Jawatan / Pencapaian
i.			
ii.			

*Sila kepilkan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

22. Penyakit Kronik (tanda ✓ yang berkenaan) ☐ Tiada ☐ Ada (senaraikan nama penyakit)

Bil.	Nama Penyakit Kronik
i.	
ii.	
iii.	

*Sila kepitkan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

PENGAKUAN STAF / PESARA

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat masalah yang berbangkit berhubung maklumat yang telah dinyatakan.

Tandatangan

- -
Tarikh

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan
(PRN / KPE / Presiden PERSADA)

- -
Tarikh

Nama :
Jawatan :
Cop Jabatan :

NOTA:

Salinan dokumen mestilah disahkan oleh Majikan / Pegawai RISDA Daerah / Pengarah RISDA Negeri / Ketua Pegawai Eksekutif / Pengerusi PERSADA seperti berikut:

1. ☐ Salinan kad pengenalan staf / pesara.
2. ☐ Salinan kad pengenalan pasangan.
3. ☐ Salinan penyata gaji terkini staf / penyata bayaran pencen terkini pesara.
4. ☐ Salinan penyata gaji terkini / surat pengesahan pendapatan terkini pasangan.



PERMOHONAN BANTUAN BENCANA ALAM DAN KEBAKARAN

NAMA KUMPULAN RISDA HOLDINGS: _____

BIL.	NAMA STAF	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON	EMEL	TARIKH PERISTIWA	ALAMAT RUMAH YANG TERJEJAS	GAMBAR RUMAH AKIBAT BENCANA ALAM / KEBAKARAN	NAMA BANK	NO. AKAUN

Saya sahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan bertanggungjawab sepenuhnya atas pengesahan ini.

Tandatangan

Nama:

Jawatan:

Cop jabatan: